



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN OPERASI CUKAI  
TINGKAT 14, BLOK 9  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA  
50600 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-62091000  
Faks: 03-62039592  
Laman Web: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 16 Ogos 2010

Pengarah Eksekutif,  
Institut Percukaian Malaysia (CTIM),  
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,  
Institut Akauntan Malaysia (MIA)  
Dewan Akauntan No. 2  
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur


Pengarah Eksekutif,  
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)  
15, Jalan Medan Tuanku  
50300 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)  
Pejabat Sekretariat MATA  
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati  
53100 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)  
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)  
No. 23A, 1st Floor  
Jalan SS24/11, Taman Megah  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden  
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)  
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7  
40000 Shah Alam



Tuan,

**TAMBAHAN MASA SEBANYAK TIGA (3) HARI UNTUK PENGEMUKAAN BORANG NYATA KERTAS DALAM TAHUN KALENDAR 2011**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas yang telah dibangkitkan semasa Mesyuarat *Working Group LHDNM* Dengan Persatuan Akauntan – DESIRE – Bil. 2/2010 yang telah diadakan pada 20 Julai 2010.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tambahan masa sebanyak 3 hari dibenarkan untuk borang nyata kertas yang dikemukakan melalui pos dan serahan tangan (“*by hand*”). Borang nyata kertas yang diterima oleh LHDNM selepas tarikh akhir pengemukaan borang dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika diterima dalam tempoh 3 hari selepas tarikh akhir pengemukaan borang.
3. Keputusan mengurangkan tambahan masa dari 7 hari ke 3 hari untuk tarikh akhir pengemukaan borang seperti ditetapkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) adalah selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS) .
4. Tambahan masa ini **TIDAK TERPAKAI** untuk borang nyata yang dihantar melalui media elektronik.
5. **Pengemukaan Borang BE, B, M, E, P, TP, TJ dan TF Tahun Taksiran 2010**
  - 5.1 Perenggan 2, 3 dan 4 di atas adalah dirujuk.
  - 5.2 Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai pendapatan di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967.
  - 5.3 Selain daripada keadaan dalam perenggan 5.2 di atas, sebarang permohonan untuk tambahan masa membayar tidak akan dipertimbangkan.
6. **Pengemukaan Borang C, R, C1, TA, TC dan TR dalam Tahun Kalendar 2011**
  - 6.1 Perenggan 2, 3 dan 4 di atas adalah dirujuk. Tambahan masa ini terpakai untuk borang nyata yang tarikh akhir pengemukaannya jatuh dalam tahun kalendar 2011 sahaja.

**Contoh:**

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan Berakhir	Tambahan Masa Sehingga
2010	31 Mei 2010	7 Januari 2011 *
2010	30 Jun 2010	3 Februari 2011
2010	31 Disember 2010	3 Ogos 2011
2011	31 Mei 2011	3 Januari 2012


\* Program Memfailkan Borang Bagi Tahun 2010 adalah terpakai.

- 6.2 Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai pendapatan di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 dan bayaran hutang kepada Kerajaan di bawah Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693).
- 6.3 Selain daripada keadaan dalam perenggan 6.2 di atas, sebarang permohonan untuk tambahan masa membayar tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**( DATO MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR )**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

s.k. i. Timbalan - Timbalan Ketua Pengarah

ii. Pengarah Jabatan / Bahagian / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan